

D790

U B117 AAB
MAHATHIR - PERLEMBAGAAN

JOHOR BAHRU, 27 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGGESA SELURUH RAKYAT MEMPERTAHKAN SISTEM DEMOKRASI DAN PERLEMBAGAAN NEGARA YANG ADA SEKARANG BAGI KESEJAHTERAAN KESELURUHAN RAKYAT SERTA MENGELAKKAN KETEGANGAN DAN HURU-HARA DALAM NEGARA.

BELIAU KHUATIR KEADAAN HURU-HARA AKAN WUJUD JIKA KERAJAAN TUNDUK KEPADA DESAKAN KALANGAN TERTENTU YANG MAHUKAN PERLEMBAGAAN NEGARA DIPINDA ATAS ALASAN KONONNYA +IA TELAH USANG DAN PERLU DIKAJI SEMULA+.

JIKA KERAJAAN TUNDUK KEPADA DESAKAN KALANGAN ITU YANG TERDIRI DARIPADA SEGELINTIR ELITIS SAHAJA, BERMAKNA KERAJAAN MEMBELAKANGKAN SUARA RAMAI KHUSUSNYA PENDUDUK LUAR BANDAR, TAMBAHNYA KETIKA MERASMIKAN BALAI RAYA KAMPUNG POK, GELANG PATAH, DEKAT SINI.

DALAM UCAPANNYA ITU, PERDANA MENTERI BEBERAPA KALI MENGULANGI BAHAYA YANG AKAN DIHADAPI OLEH MASYARAKAT NEGARA INI JIKA IA TUNDUK KEPADA DESAKAN KALANGAN TERSEBUT SERTA MENGGESA ORANG RAMAI BERHATI-HATI DAN TIDAK TERPENGARUH DENGAN TAKTIK YANG MEREKA LAKUKAN DALAM USAHA TERSEBUT.

SEBAGAI PARTI DAN KERAJAAN YANG MEMERINTAH, +KITA MESTI MEMPERTAHKAN KEDAULATAN SUARA RAMAI,+ KATANYA SAMBIL MENARIK PERHATIAN TERHADAP KEMPEN DAN TAKTIK KALANGAN ITU UNTUK MENDAPAT SOKONGAN RAKYAT TERHADAP USAHA MEREKA ITU SEDANG BERJALAN. -- LAGI
1556MST 27 08 87

D791

U B118 AAB
MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 2 JOHOR BAHRU

+KITA JANGAN TERBAWA-BAWA DENGAN USAHA MEREKA ITU (MEMINDA PERLEMBAGAAN). MEREKA FIKIR DENGAN PINDAAN ITU AKAN MENYELESAIKAN MASALAH+, TAMBAH BELIAU TANPA MENYEBUT NAMA KALANGAN ITU SECARA LANGSUNG.

+KALAU KITA MENGGUBAL SEMULA PERLEMBAGAAN (NEGARA), KITA AKAN HADAPI PELBAGAI MASALAH. PELBAGAI PIHAK TERMASUK PARTI POLITIK, PERTUBUHAN SOSIAL DAN SEUMPAMANYA AKAN BERTALU-TALU MEMBERIKAN PANDANGAN.+

+ORANG (KERAJAAN) YANG CUBA MENGGUBALNYA TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMUASKAN HATI SESIAPA, YANG DAPAT DITERIMA OLEH MAJORITI,+ KATANYA. INI, TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR, AKAN MEWUJUDKAN KETEGANGAN ANTARA PUK DAN MENCETUSKAN HURU-HARA.

MENURUT PERDANA MENTERI, PERLEMBAGAAN NEGARA BOLEH DIPINDA JIKA PERLU TETAPI KALANGAN YANG MENDESAK KEPADA PINDAAN ITU TENTU IRI HATI JIKA KERAJAAN MEMINDANYA TANPA MENGAMBIL-KIRA CADANGAN ATAU KEHENDAK MEREKA.

-- LAGI
1558MST 27 08 87

D816

U B143 AAB
MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 3 JOHOR BAHRU

+INILAH YANG MEREKA TIDAK MAHU. MEREKA MAHU PINDAAN ITU DIBUAT OLEH PIHAK YANG TIDAK DIWAKILI OLEH SESIAPA SEPERTI SURUHANJAYA BEBAS,+ TAMBAHNYA DENGAN MENAMBAH KATA, MEREKA TENTU BERHARAP SURUHANJAYA ITU KELAK DIANGGOTAI OLEH ORANG-ORANG YANG BERPANDANGAN SEPERTI MEREKA, SELAIN PARA HAKIM LUAR NEGERI YANG MUNGKIN JUGA DIJEMPUT MENGANGGOTAINYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK YAKIN PARA HAKIM LUAR NEGERI MERUPAKAN PILIHAN TERBAIK ATAU SESUAI UNTUK MERUMUSKAN PERLEMBAGAAN NEGARA KERANA +MEREKA TIDAK TAHU KEADAAN SEBENAR DALAM NEGARA, MASYARAKATNYA, AGAMA DAN SEBAGAINYA+.

SEBAGAI HAKIM MEREKA TENTU MERUMUSKAN SESUATU ATAS KONSEP KEADILAN, TETAPI, TEGASNYA LAGI, KEADILAN BAGI SATU PIHAK MUNGKIN TIDAK ADIL BAGI SATU PIHAK YANG LAIN PULA.

PERDANA MENTERI JUGA MEMPERTIKAIKAN HAK KALANGAN TERSEBUT YANG TERDIRI DARIPADA KUMPULAN MINORITI 200 ATAU 300 ORANG TERUS MENDESAK KEPADA PINDAAN PERLEMBAGAAN SUNGGUHPUN, KATANYA, KEBANYAKAN MEREKA TERLATIH DALAM BIDANG UNDANG-UNDANG.

+JIKA MEREKA BERHAK (CADANG PINDAAN PERLEMBAGAAN), PIHAK LAIN JUGA BERHAK MENGEMUKAKAN PENDAPAT LAIN PULA. MUNGKIN PAS PULA BERKATA, TIDAK HARUS ADA PERLEMBAGAAN, AMBIL AL-QURAN SEBAGAI PEDOMAN.+ -- LAGI
1649MST 27 08 87

D817

U B144 AAB
MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 4 JOHOR BAHRU

+PIHAK LAIN PULA MENCADANGKAN SUPAYA HUKUM SYARAK TURUT DIKUATKUASAKAN KE ATAS KAUM LAIN JUGA, SEMENTARA YANG LAIN BERKATA PEMBAHAGIAN KERUSI (PILIHAN RAYA) TIDAK ADIL KERANA MENGUTAMAKAN KAWASAN LUAR BANDAR,+ TAMBAHNYA.

INI HANYA MENGAKIBATKAN KETEGANGAN SAHAJA APABILA MASING-MASING MENDESAK PANDANGAN SERTA CADANGAN MASING-MASING DITERIMA, KATA BELIAU.

MENURUT PERDANA MENTERI, KALANGAN TERSEBUT TIDAK INGIN KEPADA KEKUATAN KERAJAAN SERTA TIDAK BERPUAS HATI DENGAN KEPUTUSAN RAKYAT MEMBERIKAN SOKONGAN BESAR KEPADA KERAJAAN BN PADA PILIHAN RAYA UMUM LEPAS.

MEREKA GAGAL DALAM USAHA MENIDAKKAN KEJAYAAN MAJORITI DUA PERTIGA KERAJAAN BN PADA PILIHAN RAYA UMUM LEPAS DAN KINI BERKEMPEN +MENUKAR PERLEMBAGAAN MALAYSIA PULA+ MELALUI PELBAGAI TAKTIK, TAMBAHNYA.

BELIAU MENYIFATKAN TINDAKAN KALANGAN +KECIL+ ITU SEMATA-MATA SEBAGAI MEMBELAKANGKAN KEHENDAK DAN KEPENTINGAN RAKYAT JELATA DAN MEMENUHI ASPIRASI KALANGAN TERSEBUT SAHAJA. -- LAGI
1651MST 27 08 87

D818

U B145 AAB
MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 5 JOHOR BAHARU

KATANYA, KERAJAAN SEKARANG MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PENDUDUK LUAR BANDAR, TERMASUK MEMPERUNTUKKAN DUA-PERTIGA DARIPADA PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KEPADA KAWASAN LUAR BANDAR.

TINDAKAN INI PENTING BAGI MENGSEIMBANGKAN PEMBANGUNAN NEGARA, ANTARA BANDAR DAN LUAR BANDAR, ANTARA KAUM DAN SEUMPAMANYA BAGI MENJAMIN KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN KESELURUHANNYA SERTA MENGELAKKAN HURU-HARA AKIBAT KETIDAKSEIMBANGAN, TEGASNYA.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA PERLEMBAGAAN SEKARANG ADA +KECACATANNYA+ SEPERTI DI BAWAH PERUNTUKAN PENUBUHAN KERAJAAN YANG TERDIRI DARIPADA TIGA PIHAK --> PENGGUBAL DASAR, EKSEKUTIF DAN PERUNDANGAN -- YANG MEMBENARKAN MEREKA MENEGUR SATU SAMA LAIN JIKA SATU PIHAK ITU MIRIP KEPADA SALAH.

INI BAGI MENJAMIN +Pemeriksaan dan Keseimbangan+ TETAPI, KATANYA, KALAU SALAH SATU PIHAK ITU TIDAK DAPAT DITEGUR, PEMERIKSAAN DAN KESEIMBANGAN ITU TIDAK BERERTI.

KATANYA, KAJIAN PERLU DIBUAT JIKA KEADAAN SEPERTI ITU WUJUD SUPAYA TIDAK ADA PIHAK YANG TERKECUALI DARIPADA TEGURAN ATAU PEMERIKSAAN, +TETAPI KERAJAAN TIDAK BERHAJAT MEMBUAT KAJIAN SEPERTI INI (SEKARANG), SUARA KITA SUARA RAKYAT, RAKYAT YANG BERHAJAK (CADANGAN MEMINDANYA)+ TAMBAHNYA. -- LAGI

1653MST 27 08 87

U B146 AAB
MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 6 JOHOR BAHARU

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, SISTEM DEMOKRASI SEKARANG ADALAH YANG TERBAIK KERANA INI MENENTUKAN WAKIL RAKYAT YANG DIPILIH MENUNAIKAN JANJI KEPADA RAKYAT (ATAU TIDAK DIPILIH LAGI) SEDANGKAN JIKA KERAJAAN DIPILIH OLEH SURUHANJAYA (YANG MEMIKIRKANNYA BIJAK), MAKA ORANG YANG MEMERINTAH TIDAK MEMPEDULIKAN RINTIHAN RAKYAT.

+KITA ADA WAKIL RAKYAT YANG TERHUTANG BUDI (KERANA MEMILIHNYA) KEPADA KITA. TETAPI KALAU WAKIL SURUHANJAYA, MEREKA LEBIH TAKUT KEPADA KALANGAN YANG MEMILIH MEREKA SAHAJA TANPA MEMPEDULIKAN HASRAT RAKYAT,+ TAMBAHNYA SAMBIL MEMINTA RAKYAT SEKALI LAGI MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN DEMOKRASI NEGARA.

+SISTEM SEKARANG, RAKYAT MENENTUKAN KERAJAAN DALAM PILIHAN RAYA. TETAPI PIHAK SURUHANJAYA, MEREKA MUNGKIN BEKERJA SAMPAI PENCEN TANPA MENGHIRAUKAN PANDANGAN RAKYAT,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR, HAJI MUHYIDDIN YASSIN DAN MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT PADA MAJLIS TERSEBUT. -- BERNAMA
1655MST 27 08 87